

## **KESEDIAAN GURU TERHADAP PENERAPAN KBAT DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH**

*Teachers Readiness Towards the Implementation of HOTS in Teaching Malay Language  
Essay Writing Skills at Primary Schools: Concept Paper*

Nor Azzian Bashah & Alizah Lambri  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[norazzian22@gmail.com](mailto:norazzian22@gmail.com)

**Published:** 28 Oktober 2024

**To cite this article (APA):** Bashah, N. A., & Lambri, A. (2024). Teachers Readiness Towards the Implementation of HOTS in Teaching Malay Language Essay Writing Skills at Primary Schools: Concept Paper. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 103–113. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.9.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.9.2024>

### **Abstrak**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu elemen yang diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Penyerapan elemen KBAT adalah merentas kurikulum meliputi semua mata pelajaran termasuklah Bahasa Melayu melibatkan juga kemahiran menulis. Namun, masih terdapat halangan yang dihadapi oleh guru-guru terutamanya di sekolah rendah untuk menerapkan dan mengaplikasi KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis karangan di dalam kelas. Antaranya, guru-guru tidak mempunyai kesediaan yang secukupnya untuk menerapkan KBAT semasa pengajaran. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka tahap kesediaan guru terhadap penerapan KBAT semasa pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Peserta kajian ini terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Kertas kerja konsep ini mencadangkan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Pada masa kini, kebanyakan kajian yang menjalankan kajian tentang kesediaan guru terhadap KBAT ini cenderung menggunakan pendekatan kuantitatif atau kaedah campuran. Oleh itu, kertas kerja konsep ini juga dapat membantu mempelbagaikan penghasilan analisis iaitu, dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Kaedah analisis yang dicadangkan ialah analisis tematik, pengkodan dan penyusunan data untuk membuat kesimpulan. Dengan penghasilan kertas kerja konsep ini diharapkan dapat memberi gambaran jelas tentang tahap kesediaan guru-guru Bahasa Melayu terhadap KBAT seterusnya dapat menangani masalah untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis.

**Kata kunci:** kesediaan guru, kualitatif, KBAT, panduan pengajaran dan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu

### **Abstract**

*Higher Order Thinking Skills (HOTS) is one of the elements emphasized by the Malaysian Ministry of Education (KPM) in making the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025 a success. The integration of KBAT across the curriculum includes all subjects, including Bahasa Melayu, involving skills such as writing. However, there are still challenges faced by teachers, especially in primary schools, in implementing and applying KBAT in teaching essay writing skills in the classroom. One of the obstacles is that teachers do not have sufficient readiness to implement KBAT during teaching. Therefore, this study aims to explore the readiness levels of teachers in implementing KBAT during teaching of Malay language essay writing skills in primary schools.*

*Participants in this study consist of Malay language teachers selected through purposive sampling. This concept paper proposes a qualitative approach using semi-structured interviews, observations, and document analysis. Currently, most studies analyzing teachers' readiness levels towards KBAT to use quantitative approaches or mixed methods. Hence, this concept paper also aims to diversify the analytical framework by utilizing a purely qualitative approach. The proposed method of analysis is thematic analysis, involving coding and data organization to draw conclusions. Through the development of this concept paper, it is hoped to provide a clear understanding of the readiness levels of Malay language teachers towards KBAT and to address issues in implementing KBAT in teaching writing skills.*

**Keywords:** *teachers readiness, qualitative, HOTS, teaching guide and Malay essay writing skills*

## **PENDAHULUAN**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah dijadikan tumpuan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tahun 2013-2025 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Menerusi PPPM ini, KPM berhasrat untuk memberikan penumpuan terhadap pemikiran aras tinggi di samping memperoleh ilmu pengetahuan bagi memastikan kualiti pendidikan di negara ini mampu memberikan persaingan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, melalui pelan jangka panjang ini KPM telah menetapkan tujuh elemen sebagai langkah pembudayaan KBAT di sekolah termasuklah elemen pedagogi.

Kewujudan PPPM ini juga membawa kepada tranformasi besar dalam penggubalan kurikulum pada peringkat sekolah rendah. Penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diberikan penekanan dari aspek KBAT murid melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai panduan kepada guru dalam mencapai objektif pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013; Mohamad Nurul Azmi Mat Nor et al., 2017). Keperluan menerapkan KBAT dalam pengajaran adalah merentas kurikulum dan telah dijadikan unsur eksplisit dan implisit di dalam kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran (Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari, 2019) termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu menerima pembaharuan dalam pengajaran penulisan karangan kerana paradigma pendidikan pada masa kini bergerak menuju ke arah pengaplikasian dan penerapan elemen KBAT ini (Marzni Mohamed Mokhtar, 2017). Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan KBAT dilaksanakan semasa pengajaran kemahiran menulis kerana merupakan satu kemahiran yang memerlukan proses berfikir untuk melahirkan idea sebelum dipersembahkan dalam bentuk tulisan melalui kemahiran berfikir.

Justeru, guru-guru secara umumnya memerlukan pengetahuan dan pemahaman yang jelas tentang KBAT. Pengetahuan dan pemahaman guru tentang KBAT merupakan faktor penting dalam memastikan kelancaran pengajaran yang dijalankan akan memberikan impak positif mahupun negatif kepada pembelajaran murid seterusnya mempengaruhi tahap penguasaan para murid dalam pelajaran. Penerapan KBAT dalam PdP penting untuk menarik minat murid di samping dapat meningkatkan kemahiran berfikir melalui aktiviti yang boleh menggalakkan kemahiran berfikir pelajar. Walau bagaimanapun, tahap pemahaman dan pengetahuan guru tentang KBAT berada pada tahap sederhana (Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah, 2017) dan pemahaman guru-guru tentang KBAT kurang lengkap serta hanya mengetahui KBAT secara umum (Bael et al., 2021).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bidang pendidikan melalui pelaksanaan pembudayaannya dalam elemen pedagogi guru sebagai elemen utama. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilihat serius kerana penyerapan KBAT dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) melalui penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu. Oleh itu, penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)

seharusnya menjadi amalan para guru kerana keperluan memasukkan elemen KBAT perlu dinyatakan secara eksplisit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

Namun demikian, isu tentang guru kurang mengamalkan penerapan KBAT di dalam kelas (Bael, 2020; Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah, 2017; Norliza Abdullah et al., 2021; Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod, 2021; Syazana Sahari & Zamri Mahamod, 2018) sering dibincangkan dalam dunia penyelidikan. Guru-guru bahasa Melayu terutamanya didapati kurang menerapkan elemen KBAT dalam proses pengajaran menyebabkan murid kurang didedahkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi seterusnya murid tidak mampu menulis dengan baik dan berkesan (Marzni Mohamed Mokhtar & Marni Jamil, 2020; Bael, 2020).

Pelbagai penyelidikan melibatkan KBAT telah dijalankan berkaitan pengajaran bahasa Melayu namun, isu membabitkan penerapan KBAT oleh guru masih menjadi perbincangan. Antara aspek yang sering dibincangkan adalah berkenaan kesediaan guru melaksanakan KBAT. Kesediaan guru dalam melaksanakan KBAT termasuk mengajar kemahiran berfikir kritis (McAdam, 2020) semasa pengajaran dilihat masih kurang terutamanya dari aspek pengetahuan, pemahaman, kemahiran dan sikap (Siti Norzaidah Kamaruddin & Anuar Ahmad, 2022; Zarina Abu Baker & Wan Munna Wan Mohammad, 2021; Norziana Mat Rabi et al., 2020; Mohd Syaubari Othman, 2020; Paramasveran & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2018). Kurangnya kesediaan guru melaksanakan KBAT dari pelbagai aspek ini juga menyebabkan guru kurang memahami kewujudan elemen KBAT (Norziana Mat Rabi et al., 2020) serta sukar untuk menentukan elemen KBAT dalam proses menjana idea murid (Anida Sarudin et al., 2020). Hal ini demikian kerana faktor kesediaan guru adalah usaha untuk memperkembangkan KBAT kerana merupakan suatu elemen penting dan perlu ada pada seorang guru (Nagappan, 2001) seterusnya menjadi amalan guru dalam PdP.

Selain itu, guru juga didapati kurang menguasai dan mengaplikasi kaedah atau teknik pengajaran untuk menerapkan KBAT di dalam kelas termasuklah penggunaan alat berfikir dan teknik penyoalan aras tinggi untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran. Penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi semasa PdP dianggap penting kerana pengajaran dan pembelajaran adalah bersifat pemudahcara kepada guru-guru semasa mengajar. Teknik penyoalan misalnya, mampu merangsang untuk murid berfikir dan menyatakan idea atau pendapat. Ini kerana interaksi lisan semasa teknik penyoalan dalam pengajaran antara guru dan murid berlaku secara dua hala (Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md. Sabil, & Abdul Rasid Jamian, 2020) seterusnya dapat mewujudkan suasana pengajaran berpusatkan pelajar semasa PdPc. Teknik pengajaran yang menerapkan KBAT dalam PdPc amat penting dikuasai oleh guru bagi melahirkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir.

Seterusnya, kajian-kajian yang melibatkan pelbagai disiplin ilmu seperti Pendidikan Islam, Sejarah, Sains, Reka Bentuk Teknologi dan sebagainya termasuklah Bahasa Melayu membuktikan guru masih mengamalkan pengajaran berpusatkan guru atau pengajaran tradisional (Zarina Abu Baker & Wan Munna Wan Mohammad, 2021; Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod, 2021; Mohd Syaubari Othman, 2020; Syazana Sahari & Zamri Mahamod, 2018; Farah Adlina Mokter, 2019; Marzni Mohamed Mokhtar, 2017) seperti syarahan dan *chalk and talk*. Ini menunjukkan guru-guru kurang menggunakan kaedah atau teknik pengajaran yang mengaplikasikan KBAT termasuklah menggunakan pelbagai alat berfikir sebagai cara untuk menggalakan kemahiran berfikir murid.

Tambahan pula, sesetengah guru terikat dengan buku teks dan tidak mempunyai panduan lain yang boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd Nazri Hassan et al., 2017) sebagai sumber rujukan yang boleh menambah pengetahuan dan pemahaman tentang penerapan KBAT. Guru-guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) misalnya, hanya di ajar tentang kemahiran berfikir ini melalui buku rujukan sahaja (Pajuzi Awang & Norazah Mohd Nordin, 2017). Oleh hal yang demikian, kesediaan guru menerapkan unsur-unsur KBAT dalam pengajaran seperti set induksi bercirikan KBAT, strategi pengajaran, teknik pengajaran, dan penggunaan alat berfikir dilihat mampu menyediakan satu proses pengajaran yang lengkap kerana proses penerapan KBAT ini bermula daripada langkah sebelum memulakan PdPc yang dikenali sebagai perancangan (sebelum PdP). Perancangan sebelum memulakan pengajaran juga dapat memberi gambaran sama ada guru tersebut benar-benar bersedia untuk melaksanakan KBAT atau sebaliknya (Mohd Syaubari Othman, 2019).

Oleh hal yang demikian, penting untuk guru menguasai KBAT dengan baik supaya dapat memberikan impak yang positif kepada murid serta mengubah cara penyampaian tradisional kepada pendekatan yang berpusatkan pelajar agar dapat meningkatkan minat pelajar, menghidupkan suasana

pembelajaran yang menyenangkan dan membantu pelajar untuk berfikir secara lebih kritis (Bakthaselvan et al., 2022). Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran yang sesuai adalah elemen penting dalam sesi PdPc dalam bilik darjah serta dapat melahirkan golongan pendidik yang kreatif dan inovatif. Seterusnya, murid-murid juga akan lebih bermotivasi semasa pembelajaran berbanding kaedah tradisional atau kebergantungan terhadap buku teks semata-mata (Nur Farahanim Abdul Jamal, & Nur Farakhanna Mohd Rusli, 2022)

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja konsep ini bertujuan untuk meneroka tahap kesediaan guru terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu sekolah rendah. Kesediaan guru akan diteliti dalam tiga aspek iaitu, pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian juga akan mengenal pasti halangan yang wujud semasa penerapan KBAT dilaksanakan dalam PdPc. Justeru, kajian ini dijalankan berdasarkan objektif kajian berikut:

1. Meneroka pengetahuan guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.
2. Meneroka kemahiran guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.
3. Meneroka sikap guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.
4. Mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.

## **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan:

1. Bagaimanakah pengetahuan guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah kemahiran guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu?
3. Bagaimanakah sikap guru tentang penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu?
4. Apakah halangan yang dihadapi oleh guru semasa menerapkan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu?

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini diharapkan memberikan manfaat dari sudut menjana pengetahuan dan informasi serta pemahaman tentang amalan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) melibatkan kesediaan guru, iaitu pengetahuan dan pemahaman, kemahiran serta sikap guru tentang KBAT. Ini kerana aspek-aspek tersebut memainkan peranan penting dalam usaha penerapan KBAT.

Selain itu, kajian ini juga berupaya memberikan input yang terperinci tentang halangan-halangan yang wujud semasa guru melaksanakan penerapan unsur-unsur KBAT dalam pengajaran menggunakan pendekatan kualitatif secara mendalam. Ini kerana penting untuk mengetahui halangan yang wujud bagi memudahkan proses penambahbaikan penerapan KBAT dilaksanakan semasa sesi pengajaran yang seterusnya. Lantaran itu, halangan dalam melaksanakan KBAT ini dapat diminimumkan semasa PdPc agar penyampaian guru lebih berkesan kepada murid dan efektif kepada guru itu sendiri.

Seterusnya, kajian ini juga berupaya memberi impak kepada kualiti pedagogi guru dalam menerapkan KBAT dari segi kaedah, strategi dan teknik penerapan KBAT yang dilaksanakan oleh guru semasa PdPc bagi menjadikan pengajaran tersebut lebih menarik dan berpusatkan murid. Kajian-kajian lepas yang dijalankan menemukan dapatan bahawa guru lebih cenderung menjalankan kaedah pengajaran tradisional atau konvensional iaitu berpusatkan guru. Oleh itu, dapatan dari aspek strategi amalan penerapan KBAT yang diperoleh melalui kajian secara mendalam ini dapat memberikan panduan dan alternatif kepada guru untuk merancang pengajaran supaya KBAT dapat diterapkan di dalam bilik darjah.

## TINJAUAN LITERATUR

Salah satu daripada elemen utama yang ditekankan dalam sistem pendidikan ialah kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir ini dijadikan satu teras untuk meningkatkan perkembangan intelek pelajar serta dijadikan sebagai unsur eksplisit dan implisit di dalam kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran (Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari, 2019). Naggapan (2018), pula menyatakan berfikir amnya adalah sebagai proses kognitif iaitu perlakuan minda berkaitan cara ilmu pengetahuan dan kemahiran diperolehi. Berfikir juga sebagai proses memanipulasi minda atau mental untuk menjana pemikiran, menyatakan sebab serta membuat keputusan.

Kemahiran berfikir juga dikategorikan kepada kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). KBAR termasuklah kemahiran kognitif mengingat semula dan kemahiran mengaplikasi konsep serta pengetahuan dalam situasi biasa. Nagappan (1998) mengkategorikan KBAR sebagai pengetahuan dan pemahaman dan merujuk kepada operasi yang berulang-ulang seperti menyenaraikan informasi-informasi yang telah dipelajari sebelumnya, melaksanakan peraturan prosedural, mengingat maklumat, memerikan, menghurai, menggambarkan, membanding, membeza, merumus, menghubungkan kait, melaksana dan memberi contoh.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan aras pemikiran yang paling tinggi dalam hierarki proses kognitif dan berlaku apabila seseorang memperoleh maklumat baharu, menyimpan dalam memori dan menyusun, mengaitkan dengan pengetahuan sedia ada dan menjana maklumat untuk mencapai sesuatu tujuan atau menyelesaikan masalah yang rumit. Naggapan (2018), menyatakan kemahiran berfikir aras tinggi adalah proses mengembangkan minda melalui kebolehan mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat. Aras pemikiran KBAT yang diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah merujuk kepada aras taksonomi yang diperkenalkan oleh Bloom 1956. Benjamin Samuel Bloom telah membentuk teori pengajaran KBAT melalui aras pemikiran berdasarkan terminologi kata nama bermula dari aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Terminologi ini kemudian telah diubah suai oleh Lorin Anderson dan David Krathwohl pada tahun 1991 dengan melakukan semakan semula dan membuat penambahbaikan pada taksonomi asal iaitu menggunakan terminologi kata kerja mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

KBAT telah dirangka dan diberi penekanan dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui terbentuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui PPPM ini, KPM telah memperkenalkan tujuh elemen untuk membudayakan KBAT di sekolah rendah dan menengah iaitu, aspek kurikulum, pedagogi, pentaksiran, kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, bina upaya dan sumber. Kajian ini akan memberi fokus dan meneroka tentang elemen pedagogi sebagai salah satu elemen utama dalam rangka PPPM 2013-2015. Langkah ini selaras pendekatan KBAT yang dilaksanakan secara merentas kurikulum dengan memberi tumpuan utama terhadap perubahan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim, 2021). Pernyataan KBAT juga ditulis secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi KSSR dan KSSM melibatkan semua mata pelajaran dengan memberikan penekanan kepada keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti yang digariskan dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam dokumen tersebut.

Berdasarkan penekanan yang diberikan oleh KPM tentang penerapan KBAT dalam pedagogi, guru-guru perlu mempunyai kesediaan yang mantap berkaitan KBAT. Ini termasuklah pengetahuan,

pemahaman, kemahiran serta sikap guru terhadap KBAT. Namun, terdapat persoalan tentang kesediaan guru melibatkan pengetahuan dan pemahaman, kemahiran serta sikap guru terhadap KBAT sebelum diamalkan dalam PdP. Hal ini kerana kesediaan guru tentang aspek-aspek tersebut amat mempengaruhi amalan penerapan KBAT guru dalam bilik darjah (Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam, 2018; Nurnazifah Mat Akhir & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2020). Oleh hal yang demikian, aspek kesediaan guru perlu dikupas dengan lebih lanjut kerana akan menjadi penentu dalam menjayakan amalan penerapan KBAT oleh guru dalam PdP (Siti Norzaidah Kamaruddin & Anuar Ahmad, 2022).

Terdapat kajian-kajian lepas yang mengupas tentang kesediaan guru dalam melaksanakan KBAT di dalam kelas. Antaranya, kajian yang berfokus kepada pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu dalam penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS telah dijalankan oleh Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod (2021). Kajian ini adalah berbentuk tinjauan menggunakan analisis deskriptif. Dapatan kajian mendapati terdapat guru yang masih kurang kemahiran dan kurang sumber rujukan dalam pengaplikasian KBAT dalam PdPc.

Terdapat kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu, kajian oleh Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al., (2018) tentang penerapan KBAT dalam pengajaran karangan UPSR oleh guru bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian ini dijalankan untuk meninjau beberapa aspek pelaksanaan KBAT oleh guru di sekolah rendah harian iaitu, cara pelaksanaan, keyakinan penyampaian, masalah yang dihadapi, aras KBAT yang digunakan dan cara mengatasi masalah yang timbul selepas PdP di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga kaedah utama pelaksanaan KBAT yang digunakan oleh guru semasa pengajaran karangan iaitu, peta *i-Think*, soal jawab dan soalan aras tinggi manakala kaedah yang kurang digunakan ialah sumbang saran dan perbincangan berasaskan projek. Namun, kajian ini dilihat kurang mendalam kerana hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu, temu bual. Oleh itu, triangulasi data tidak berlaku kerana semestinya banyak lagi maklumat atau data boleh diperoleh sekiranya data yang dipungut itu diperoleh daripada pelbagai sumber seperti pemerhatian, analisis dokumen dan sebagainya.

Selanjutnya, Peng & Zul Hazmi Hamad (2018), menjalankan kajian untuk mengetahui isu-isu yang berkaitan dengan KBAT dalam teknik penyoalan bahasa Melayu di sekolah rendah menggunakan pendekatan kuantitatif dalam kalangan murid dari tiga aliran sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa tahap kekerapan guru-guru mengaplikasi KBAT dan keberkesanan pelaksanaan KBAT dalam teknik penyoalan adalah berada pada tahap yang tinggi, manakala tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT adalah memuaskan. Kajian ini memberi fokus terhadap satu teknik sahaja iaitu, teknik penyoalan. Pengkaji berpendapat, guru seharusnya memikirkan kaedah atau teknik selain teknik penyoalan untuk diaplikasi dalam PdP supaya penguasaan murid dalam aspek KBAT dapat ditingkatkan. Oleh itu, kajian tersebut masih boleh dikembangkan dalam usaha meneroka teknik-teknik penerapan KBAT yang mungkin digunakan oleh guru di sekolah yang diberi penarafan sebagai Sekolah Pemangkin KBAT melalui pendekatan kualitatif.

Marzni Mohamed Mokhtar (2017), telah menjalankan kajian penerapan KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu dengan memberi tumpuan terhadap pengajaran penulisan karangan argumentatif. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ini mendapati pemahaman dan amalan guru dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan argumentatif adalah memadai dengan saranan KPM. Kajian juga turut mendapati KBAT dalam kalangan murid masih belum dibudayakan dan masih berpusatkan guru.

Kajian mengenai KBAT ini juga dijalankan dalam pelbagai mata pelajaran lain. Antaranya, Siti Norzaidah Kamaruddin & Anuar Ahmad (2022) telah menjalankan kajian berkaitan kesediaan guru mengaplikasi KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di sebuah sekolah menengah di daerah Segamat, Johor. Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data dan dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah berkaitan KBAT berada pada tahap tinggi. Oleh itu, kepentingan guru menguasai pengetahuan dan pemahaman, kemahiran serta mempunyai sikap yang positif terhadap penerapan KBAT perlu diberi perhatian dalam mata pelajaran lain khususnya Bahasa Melayu.

Kajian oleh Lee Yen Mei (2019) yang bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan dan kesediaan guru terhadap KBAT bagi mata pelajaran Sains. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan data dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden kajian

mempunyai pengetahuan dan kesediaan yang sederhana terhadap KBAT. Kajian tersebut merumuskan bahawa pengetahuan dan kesediaan KBAT guru mata pelajaran Sains yang sederhana boleh dijadikan garis panduan supaya dapat merangka sesi latihan yang berkesan agar dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan dan kesediaan guru terhadap KBAT. Ini jelas menunjukkan pengetahuan dan pemahaman dalam KBAT serta sikap yang positif amat penting dalam mengendalikan pengintegrasian KBAT supaya dapat meningkatkan kompetensi guru bagi meningkatkan pencapaian prestasi murid terutamanya.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Norshuhada Jusoh & Kamisah Osman (2019) berkaitan dengan tahap kesediaan dan keperluan guru dalam mengaplikasikan KBAT dalam PdPc Sains. Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Sains mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras tinggi (KBAT) dalam PdP serta tahap keperluan latihan berfokuskan KBAT dalam PdP Sains. Dapatan kajian menunjukkan guru Sains mempunyai kesediaan pengetahuan KBAT pada tahap tinggi merangkumi pengetahuan asas KBAT, pengetahuan pedagogi KBAT, pembinaan item KBAT dan pentaksiran KBAT untuk diaplikasikan dalam kelas. Analisis juga menunjukkan tahap keperluan latihan guru mengaplikasikan KBAT secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menyimpulkan bahawa guru Sains telah memiliki kesediaan pengetahuan yang tinggi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP Sains, namun mereka juga memerlukan latihan untuk memperkasakan penguasaan sedia ada.

Kajian mengenai implementasi KBAT dalam mata pelajaran Matematik telah dijalankan oleh Muzirah Musa & Wan Nor Atiqah Meor Samsudin (2021) untuk mengkaji tahap implementasi KBAT dan meninjau hubungan antara tempoh pengalaman mengajar, kehadiran kursus, pengetahuan dan kemahiran dengan amalan KBAT guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan dan data dianalisis secara deskriptif dan menggunakan korelasi Pearson, korelasi Spearman dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan implementasi KBAT guru Matematik dalam PdP Matematik dari segi aspek pengetahuan adalah tinggi. Analisis aspek pengetahuan menunjukkan guru-guru mengapikasi taksonomi Bloom, teknik penyoalan KBAT dan penerangan melibatkan kemahiran berfikir. Namun demikian, kajian ini tidak menjelaskan aras taksonomi dan teknik penyoalan yang digunakan oleh guru-guru secara terperinci hanya berdasarkan persetujuan guru sahaja.

Kajian seterusnya juga menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dengan mendapatkan data daripada proses soal selidik. Kajian yang dijalankan oleh Chandrasekaran (2021) tentang amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini mendapati guru melaksanakan pendekatan dan teknik pengajaran yang dapat mengembangkan KBAT dalam kalangan murid. Pengaplikasian KBAT oleh guru juga berada pada tahap yang tinggi iaitu, kerap menggunakan teknik penyoalan.

Berdasarkan kajian yang dibincangkan di atas, kebanyakan kajian dijalankan berkaitan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan tidak banyak menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Oleh itu, amatlah penting untuk menjalankan kajian yang melibatkan keseluruhan aspek kajian bagi membolehkan pengkaji membuat penjelasan dan penghuraian secara mendalam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya untuk mendapatkan data. Pendekatan kualitatif digunakan adalah bertujuan untuk memberikan pemahaman serta penjelasan kepada fenomena sosial (Zul Azmi et al., 2018). Penyelidikan kualitatif dijalankan dalam latar semula jadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dalam bentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif, memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan kajian serta dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif dan menarik (Othman Lebar, 2018). Pendekatan kualitatif juga dipilih oleh pengkaji adalah untuk memberikan penjelasan yang mendalam tentang sesuatu perkara yang dikaji kerana reka bentuk ini dapat membekalkan maklumat secara terperinci (Alizah Lambri & Zamri Mahamod, 2015; Marzni Mohamed Mokhtar, 2017b) dan pengkaji ingin menganalisis secara holistik serta spesifik (Merriam, 2009).

Peserta kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan yang melibatkan empat orang peserta kajian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Jumlah responden atau peserta kajian bukanlah sesuatu yang dianggap fokus utama, tetapi potensi setiap peserta tersebut menyumbang maklumat dan memberi pemahaman yang lebih baik mengenai aspek yang dikaji (Kamarul Azmi Jasmi, 2012) lebih diutamakan. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memilih peserta kajian berdasarkan kriteria iaitu, guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Mereka dipilih bagi mendapatkan maklumat dan gambaran awal tentang keperluan untuk menghasilkan panduan pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa melayu berasaskan KBAT dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penerapan KBAT semasa PdPc. Selain itu, peserta kajian juga adalah guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu melebihi empat tahun sejajar dengan pandangan Melnick dan Meister (2008) yang menyatakan guru yang berkhidmat antara 4 hingga 37 tahun adalah dikategorikan sebagai guru berpengalaman.

Bagi tujuan pengutipan data, kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Gabungan ketiga-tiga kaedah ini dapat membentuk triangulasi data untuk membina kesahan dan dapatan yang boleh diyakini serta dipercayai (Yin, 2003) bagi tujuan penginterpretasian mengikut konteks yang sebenar berdasarkan soalan kajian (Gerring, 2007). Soalan-soalan kajian dibina berdasarkan keperluan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesediaan guru tentang penerapan KBAT semasa pengajaran seterusnya keperluan guru berkaitan penerapan KBAT. Protokol temu bual bagi tujuan tersebut adalah seperti Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1:** Protokol Temu bual

<b>Protokol Temu bual</b>	<b>Aspek</b>
1. Apakah cikgu faham tentang kemahiran berfikir? 2. Apakah yang cikgu faham tentang KBAR? 3. Apakah yang cikgu faham tentang KBAT? 4. Apakah yang cikgu faham tentang aras kognitif/ pemikiran KBAT? 5. Bolehkah cikgu terangkan tentang aras kognitif/ pemikiran KBAT? 6. Apakah yang cikgu faham tentang alat berfikir? 7. Bolehkah cikgu sebutkan alat berfikir yang cikgu tahu dan apakah kegunaannya?	Pengetahuan tentang KBAR dan KBAT
9. Adakah cikgu menerapkan KBAT dalam pengajaran menulis karangan? Bagaimana? 8. Adakah cikgu ada menggunakan alat berfikir semasa PdPc kemahiran menulis karangan? Bagaimana?	Pelaksanaan penerapan KBAT
11. Apakah masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan KBAT dalam pengajaran menulis karangan? 12. Adakah cikgu ada mengikuti apa-apa kursus atau bengkel berkaitan KBAT?	Halangan melaksanakan KBAT
13. Apakah pendapat cikgu tentang KBAT? Adakah penting untuk diterapkan kepada murid? 14. Adakah cikgu memerlukan sebarang panduan atau modul supaya cikgu dapat menerapkan KBAT dengan lebih berkesan? 15. Apakah cadangan cikgu supaya semua guru dapat memahami KBAT seterusnya dapat menerapkan KBAT dalam pengajaran?	Pendapat dan cadangan

Proses seterusnya ialah temu bual dijalankan terhadap peserta kajian yang telah dipilih. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbir mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri. Setelah persetujuan pentadbir sekolah diperoleh, peserta kajian dihubungi

untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan masa untuk proses temu bual. Borang persetujuan peserta kajian juga telah disediakan sebelum temu bual dijalankan. Pengkaji melakukan temu bual secara bersemuka dengan semua peserta kajian dan merekod sesi temu bual (atas persetujuan peserta) serta akan di transkrip secara verbatim.

Seterusnya adalah proses pemerhatian pengajaran guru di dalam kelas. Proses pemerhatian tersebut dapat menjelaskan dengan lebih lanjut tentang mengapa sesuatu fenomena itu berlaku (Merriam, 2009). Menurut Maziyah Mohammad (2018), pemerhatian adalah pengamatan yang dijalankan secara sistematik mengenai peristiwa atau tingkah laku yang dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan pemerhatian pasif iaitu, pengkaji tidak melibatkan diri dalam pengajaran guru. Pengkaji hanya membuat pemerhatian di belakang bilik darjah dengan memerhati reaksi murid, situasi kelas semasa pengajaran dan hal-hal lain yang boleh menyumbang kepada data kajian.

Seterusnya, pengkaji juga mengaplikasi kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen untuk membentuk trigulasi dalam proses pengumpulan data. Ini kerana, kaedah pengumpulan data bagi kajian kualitatif juga melibatkan pemeriksaan terhadap rekod-rekod yang berkaitan (Lambert, 2012) seperti laporan, gambar, dan dokumen. Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pengajaran Harian (RPH), lembaran kerja murid dan dokumen-dokumen lain yang difikirkan berkaitan dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

Proses menganalisis data bermula apabila data yang lengkap telah diperolehi daripada semua peserta kajian. Data temu bual yang telah ditranskrip secara verbatim tersebut akan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti. Proses pengekodan dan analisis tematik akan dijalankan dengan sewajarnya untuk mengenal pasti sebarang kod dan tema yang muncul daripada data yang dikumpul.

## KESIMPULAN

Penemuan yang dikemukakan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu memberikan gambaran yang lebih jelas tentang fenomena tentang penerapan KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya di sekolah rendah. Ini penting bagi mengetahui sejauh mana penerapan KBAT dipraktikkan dalam kalangan guru Bahasa Melayu bagi melahirkan murid-murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Pelaksanaan penerapan KBAT oleh guru-guru dalam pengajaran perlu dititik beratkan bermula pada peringkat rendah selaras dengan perubahan kandungan kurikulum yang mementingkan KBAT sehingga peringkat menengah. Hal ini kerana murid-murid sekolah rendah perlu didedahkan dengan amalan berfikir semasa belajar bagi memastikan mereka tidak ketinggalan semasa mengikuti pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, guru-guru terlebih dahulu perlu menguasai pengetahuan, pemahaman dan sikap yang positif terhadap pelaksanaan KBAT ini seterusnya mempunyai strategi atau teknik untuk menerapkannya semasa pengajaran. Oleh hal demikian, keperluan menerapkan KBAT perlu dijadikan amalan semasa pengajaran berikutan keperluan pendidikan masa kini bagi memastikan generasi akan datang mampu bersaing di peringkat global.

## RUJUKAN

- Alizah Lambri, & Zamri Mahamod. (2015). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di institusi pengajian tinggi : Pelaksanaan dan penerimaan pelajar . *Jurnal Personalita Pelajar*, 18(1), 1–9.
- Bael, B. T. (2020). *Analisis kemahiran berfikir aras tinggi dan kesediaan guru dalam penulisan karangan Bahasa Melayu sekolah menengah*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Maslinda Pungut. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100–119.
- Bakthasrelvan, L., Muhammad Saiful Haq Hussin, & Yue, W. S. (2022). Pembangunan modul karangan E-Bmku untuk kegunaan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1), 55–68.
- Chandrasekaran, B. (2021). Aplikasi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam bandar Seremban. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(4), 150–156.

- Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33–46.
- Gerring, J. (2007). *Case Study Research : Principles And Practices*. Boston Unversity.
- Hasnah Isnong, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56–65.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, December*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT dalam pedagogi*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Bahasa Melayu Tahun 5.
- Lambert, M. (2012). *A Beginner's Guide to Doing Your Education Research Project*. Thousand Oak, California: Sage Publications.
- Lee Yen Mei. (2019). *Pengetahuan dan kesediaan guru terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bagi Mata Pelajaran Sains di Daerah Bentong*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2013). *Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2017). *Penerapan kemahiran berfikir aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan argumentatif*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Marzni Mohamed Mokhtar, & Marni Jamil. (2020). Penggunaan kata-Kata hikmat, tokoh dan peribahasa dalam proses penulisan karangan argumentatif: Strategi penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1), 58–64.
- Maziyah Mohammad. (2018). *Mereka bentuk strategi metakognitif berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi untuk pengajaran dan pembelajaran bacaan Bahasa Melayu*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- McAdam, J. (2020). *An investigation of the relationship between student critical thinking skills and professional development*. ProQuest Dissertations and Theses, May, 204.
- Merriam, S. B. (2009). Qualitative research : A guide to design and implementation. *Progress in Electromagnetics Research Symposium*. San Francisco.
- Melnick, S. A., & Meister, D. G. (2008). A comparison of beginning and experienced teachers' concerns. *Educational Research Quarterly*, 31(3), 39-56.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abdul Manaf, & Mohd Hazwan Mohd Puad. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kurikulum reka bentuk dan teknologi (RBT) sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 3(2), 1–7.
- Mohd Syaubari Othman. (2020). Isu dan permasalahan (PdP) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam amalan pengajaran guru menurut pandangan Ibn Khaldun. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 94–106.
- Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff, & Rosnidar Mansor. (2017). Pembangunan modul kemahiran berfikir aras tinggi di dalam mata pelajaran Sains sekolah rendah: Analisis keperluan guru. *Sains Humanika*, 9(1–5), 119–125.
- Mohd Syaubari Othman. (2019). *Pelaksanaan komposisi pengajaran guru Pendidikan Islam yang mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam bidang Akidah sekolah rendah di Malaysia*. 526.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamed, & Melor Md Yunus. (2018). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan UPSR oleh guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Sains Humanika*, 10(3–2), 27–37.
- Muzirah Musa, & Wan Nor Atiqah Meor Samsudin. (2021). Implementation of Mathematics higher order thinking skills (HOTS): Is it realistic? *Sains Malaysiana*, 50(9), 2781–2790.
- Nagappan, R. (2001a). Pengajaran kemahiran aras tinggi (KBAT): Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. *Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Projek Kemahiran Berfikir Kritis Dan Kreatif (KBKK): Pusat Perkembangan Kurikulum KPM*.
- Norshuhada Jusoh, & Kamisah Osman. (2019). Tahap kesediaan dan keperluan latihan guru dalam mengaplikasi KBAT dalam PdPc Sains. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 42–54.
- Norafidah Noralidin. (2017). *Pembinaan model pengajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan teori konstruktivisme* (Vol. 135, Issue January 2006) [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, & Norfishah Mat Rabi. (2020). Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam sekolah rendah. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 57–67.

- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman, & Abdul Munir Ismail. (2021). Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid Tahun Lima. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 32(1), 1–17.
- Nur Shahirah Mat Isa, & Zamri Mahamod. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93–107.
- Nur Farahanim Abdul Jamal, & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). Perbandingan Penggunaan Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann oleh Guru Berdasarkan Kaedah Pengajaran di dalam Bilik Darjah dan Secara dalam Talian. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(2), 41–54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.4.2022>
- Nur Hawa Hanis Abdullah, & Ghazali Darusalam. (2018). Kesiediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22–31.
- Nurnazifah Mat Akhir, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2020). Persepsi dan tingkah laku guru veteran menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Kelantan. *International Conference on Global Education IX “ Technological and Educational Empowerment Post COVID - 19*, 30–39.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode* (Edisi Ke-2). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paramasveran, R., & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2018). Tahap keprihatinan guru terhadap penggunaan i-Think merentasi kurikulum dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 61–71.
- Pajuzi Awang, & Norazah Mohd Nordin. (2017). Penilaian reka bentuk aplikasi pembelajaran mudah alih (m-KBAT App) dalam pendidikan Sains untuk guru pra perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Paramasveran, R., & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2018). Tahap keprihatinan guru terhadap penggunaan i-Think merentasi kurikulum dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 61–71.
- Peng, C. F., & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8, 1–12.
- Siti Zahidah Salleh, & Abdull Sukor Shaari. (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM*, 9(2), 1–10.
- Siti Norzaidah Kamaruddin, & Anuar Ahmad. (2022). *Kesediaan guru Sejarah sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran*. *March 2022*, 77–97.
- Syazana Sahari, & Zamri Mahamod. (2018). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 63–78.
- Yin, Robert.K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods (Third Edition)*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Zarina Abu Baker, & Wan Munna Wan Mohammad. (2021). Keberkesanan penggunaan kaedah peta i-Think dalam kalangan guru senior Bahasa Melayu sekolah kebangsaan di daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 32–43.
- Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md. Sabil, & Abdul Rasid Jamian. (2020). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 18-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.2.2020>
- Zul Azmi, Abdillah Arif N, & Wardayani. (2018). Memahami penelitian kualitatif dalam akuntansi. *Akuntabilitas*, 11(1), 159–168.